

**KESAN PENGGUNAAN STRATEGI MEMBUAT  
INFERENS TERHADAP PENCAPAIAN, MINAT  
DAN MOTIVASI MURID DALAM  
PENGAJARAN PEMAHAMAN  
BACAAN**

**LOOI LAY HOON**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**

**KESAN PENGGUNAAN STRATEGI MEMBUAT INFERENS TERHADAP  
PENCAPAIAN, MINAT DAN MOTIVASI MURID DALAM  
PENGAJARAN PEMAHAMAN BACAAN**

**LOOI LAY HOON**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada ..12....(hari bulan)OKTOBER (bulan) 2021....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, LOOI LAY HOON (M20141001007), FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KESAN PENGGUNAAN STRATEGI MEMBUAT INFERENS TERHADAP PENCAPAIAN, MINAT DAN MOTIVASI DALAM PENGAJARAN PEMAHAMAN BACAAN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, PROF. MAHYA Dr GOH SWEE CHOO (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESAN PENGGUNAAN STRATEGI MEMBUAT INFERENS TERHADAP PENCAPAIAN, MINAT DAN MOTIVASI DALAM PENGAJARAN PEMAHAMAN BACAAN

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

8 JUNE 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KESAN PENGGUNAAN STRATEGI MEMBUAT INFERENS TERHADAP PENCAPAIAN,  
MINAT DAN MOTIVASI MURID DALAM PENGAJARAN PEMAHAMAN BACAAN

No. Matrik / Matric's No.: M20141001007

Saya / I : LOOI LAY HOON

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

  
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

  
(Tandatangan Penyelia/ Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi/ Name & Official Stamp)



Tarikh: 11 NOVEMBER 2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya bersyukur kerana dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Mahya Dr. Lin Chia Ying, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik.

Tidak dilupakan Profesor Mahya Dr. Goh Swee Choo dan Profesor Mahya Dr. Dahlia Janan yang sudi memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan.

Ribuan terima kasih kepada ibu yang saya hormati, Ng Geok Eng yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan, Norfaneliza bt Mohd Embros yang sentiasa memberi sokongan, galakkan dan bantuan, sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kesan penggunaan Strategi Membuat Inferens terhadap pencapaian, minat dan motivasi membaca murid dalam mata pelajaran Bahasa Cina. Kajian ini menggunakan reka bentuk eksperimen kuasi. Subjek kajian terdiri daripada 70 orang murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) tahun lima. Seramai 37 orang murid dalam kumpulan rawatan diajar menggunakan strategi membuat inferens dan 33 orang murid dalam kumpulan kawalan diajar menggunakan teknik konvensional. Data kuantitatif dikumpul melalui pra-ujian, pasca-ujian dan soal selidik. Data kualitatif dikumpul melalui temu bual untuk menyokong data-data kuantitatif. Dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan bagi pencapaian antara kumpulan rawatan ( $M=57.84$ ,  $SP=18.58$ ) dan kumpulan kawalan ( $M=56.97$ ,  $SP=19.60$ ) dalam pra-ujian,  $t(68) = -.190$ ,  $p > .05$ , iaitu pencapaian murid pada tahap yang sama. Namun, dapatan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi pencapaian antara kumpulan rawatan ( $M=59.19$ ,  $SP=20.59$ ) dan kumpulan kawalan ( $M=45.76$ ,  $SP=17.15$ ) dalam pasca-ujian,  $t(68)=-2.94$ ,  $p<.05$ . Hasil soal selidik menunjukkan bahawa tahap minat dan motivasi murid yang menggunakan strategi membuat inferens berada pada tahap sederhana iaitu min keseluruhan minat 2.47 ( $SP=0.651$ ) dan min keseluruhan motivasi 2.55 ( $SP=0.57$ ). Data temu bual menunjukkan bahawa murid suka membaca dan mendapati membaca merupakan aktiviti yang menarik selepas menggunakan strategi membuat inferens. Kesimpulannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan strategi membuat inferens dapat meningkatkan tahap pencapaian membaca dan berpotensi meningkatkan tahap minat dan tahap motivasi membaca dalam kalangan murid SJKC. Dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa penggunaan strategi membaca dapat membantu murid dalam penguasaan kemahiran membaca serta membantu untuk memupuk minat dan motivasi membaca dalam pembelajaran bahasa Cina. Maka, kajian ini boleh dijadikan rujukan para guru supaya menerapkan strategi membaca dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Cina. Penggunaan strategi membaca seharusnya dititikberatkan dan dipraktikkan oleh guru Bahasa Cina untuk membantu murid mengaplikasikan strategi membaca secara meluas untuk menguasai kemahiran membaca.





## EFFECTS OF USING INFERENCE -MAKING STRATEGIES TOWARDS STUDENTS' ACHIEVEMENT, INTEREST AND MOTIVATION IN THE TEACHING OF READING COMPREHENSION

### ABSTRACT

This study aimed to determine the impact of using Inference-Making Strategies on pupils' achievement, interests and motivation in Chinese language reading. This study used a quasi-experimental design. The subjects of the study consisted of 70 pupils of Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). There were 37 pupils in the treatment group and 33 pupils in the control group. The treatment group was taught using the Inference-Making Strategy while the control group was taught using the conventional method. The quantitative data came from the pre-test, post-test and questionnaire conducted while the qualitative data came from the analysis of the interviews to support the quantitative data. The results show that there is no significant difference between the treatment group ( $M=57.84$ ,  $SD=18.58$ ) and the control group ( $M=56.97$ ,  $SD=19.60$ ),  $t(68) = -.190$ ,  $p > .05$  in the pre-test. Therefore, the achievement of the students was at the same level. However, the results revealed a significant difference between the treatment group ( $M=59.19$ ,  $SD=20.59$ ) and the control group ( $M=45.76$ ,  $SD=17.15$ ),  $t(68)=-2.94$ ,  $p<0.05$  in the post-test scores. The results of the questionnaire showed that the reading interests with overall mean is 2.47 ( $SD = 0.651$ ) and the reading motivation with overall mean is 2.55 ( $SD = 0.57$ ) of students to learn Chinese reading comprehension, were at a moderate level. However, the interview data showed that students enjoyed reading and found that reading was an interesting activity after using inference-making strategies. In conclusion, the results of this study showed that inference making strategies had a positive impact towards improving the reading achievement, towards the cultivation of reading interest and motivation among SJKC students. The findings of this study provided implications that the use of reading strategies could help students in mastering reading skills and cultivating interest in reading. Therefore, this study could be used as a reference for teachers to apply reading strategies in teaching Chinese reading skills. The use of reading strategies should be emphasized and practised by Chinese teachers in the teaching and learning process of reading to help students apply reading strategies extensively to master reading skills.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
<b>BAB 1      PENGENALAN</b>	
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Latar Belakang Kajian	1
1.3    Pernyataan Masalah	4
1.4    Objektif	8
1.5    Soalan Kajian	9
1.6    Hipotesis Kajian	10
1.7    Kepentingan Kajian	10
1.8    Kerangka Konseptual Kajian	13
1.9    Batasan Kajian	14
1.10    Operasional Istilah	
1.10.1 Strategi membaca	15
1.10.2 Membuat Inferens	16
1.10.3 Minat	17
1.10.4 Motivasi	18



1.11	Rumusan	19
------	---------	----

## **BAB 2      TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	21
-----	------------	----

2.2	Model Reka Bentuk ASSURE	23
-----	--------------------------	----

2.3	Teori Konstruktivisme Dalam Strategi Membaca	25
-----	--	----

2.3.1	Implikasi Daripada Pengertian Konstruktivisme	27
-------	--	----

2.3.2	Ciri-ciri Pembelajaran Secara Konstruktivisme	27
-------	--	----

2.3.3	Kelebihan Pembelajaran Secara Konstruktivisme	29
-------	---	----

2.4	Keterampilan Membaca	
-----	----------------------	--

2.4.1	Pengertian Membaca	29
-------	--------------------	----

2.4.2	Proses Membaca	32
-------	----------------	----

2.5	Perspektif Terhadap Proses Pemahaman	46
-----	--------------------------------------	----

2.6	Strategi Membaca	51
-----	------------------	----

2.6.1	Kajian Lepas Tentang Strategi Membaca di Luar Negara	53
-------	---	----

2.6.2	Kajian Lepas Tentang Strategi Membaca di Dalam Negara	62
-------	--	----

2.6.3	Strategi Membuat Inferens	68
-------	---------------------------	----

2.6.4	Peringkat Pemahaman Bacaan	80
-------	----------------------------	----

2.6.5	Pemantauan dan Penilaian Kendiri Terhadap Pemahaman Bacaan	89
-------	---	----

2.6.6	Kepentingan Teknik Menyoal untuk Mencapai Tahap Pemahaman Bacaan	91
-------	---	----

2.6.6.1	Soalan Kefahaman Bacaan Bahan Naratif	94
---------	---------------------------------------	----

2.6.6.2	Penggunaan Soalan di dalam Bilik Darjah	101
---------	---	-----

2.7	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kebolehbacaan	104
2.7.1	Minat	104
2.7.2	Motivasi	110
2.8	Kesimpulan	113

### **BAB 3      METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	115
3.2	Reka Bentuk Kajian	116
3.3	Kerangka Kerja Operasi	117
3.4	Lokasi dan Sampel	119
3.4.1	Pemilihan Lokasi	120
3.4.2	Pemilihan Sampel	121
3.4.3	Penerangan Tentang Guru Yang Terlibat	122
3.5	Instrumen Kajian	
3.5.1	Soal Selidik	123
3.5.2	Praujian dan Pascaujian	124
3.5.3	Kebolehpercayaan dan Kesahan	125
	Instrumen Kajian	
3.5.3.1	Item Soal Selidik	126
3.5.3.2	Item Praujian	131
3.5.3.3	Item Pascaujian	132
3.5.3.4	Item Temu Bual Separa Struktur	133
3.6	Kajian Rintis	136
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	140
3.8	Analisis Statistik	142

3.8	Rumusan	142
-----	---------	-----

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	143
-----	------------	-----

4.2	Analisis Data dan Dapatan Praujian	144
-----	------------------------------------	-----

4.3	Analisis Data dan Dapatan Ujian Selang Pasca	151
-----	--	-----

4.4	Analisis Data dan Dapatan Pascaujian	
-----	--------------------------------------	--

4.4.1	Kesan Penggunaan Strategi Membuat Inferens Terhadap Pencapaian Murid	162
-------	--	-----

4.4.2	Kesan Penggunaan Strategi Membuat Inferens Terhadap Pemahaman Bacaan Murid	165
-------	--	-----

### Mengikut Subkumpulan

4.5	Analisis Data dan Dapatan Minat Murid	173
-----	---------------------------------------	-----

4.6	Analisis Data dan Dapatan Motivasi Murid	174
-----	--	-----

4.7	Data Kualitatif	
-----	-----------------	--

4.7.1	Hasil Temu Bual dengan Guru	176
-------	-----------------------------	-----

4.7.2	Hasil Temu Bual dengan Murid	177
-------	------------------------------	-----

4.8	Rumusan	178
-----	---------	-----

## **BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	179
-----	------------	-----

5.2	Rumusan Kajian	180
-----	----------------	-----

5.3	Perbincangan	
-----	--------------	--

5.3.1	Kesan Strategi Membaca Terhadap Pencapaian Murid	181
-------	--	-----

5.3.2	Kesan Strategi Membaca Terhadap Tahap Pemahaman Murid	181
-------	---	-----

5.3.3	Kesan Strategi Membaca Terhadap Minat Murid	182
5.3.4	Kesan Strategi Membaca Terhadap Motivasi Murid	183
5.4	Implikasi	
5.4.1	Implikasi Terhadap Strategi Pemahaman Bacaan	184
5.4.2	Implikasi Terhadap Pengajaran Pemahaman Bacaan	186
5.4.3	Implikasi Terhadap Pembelajaran Pemahaman Bacaan	190
5.5	Cadangan	195
5.6	Kesimpulan	196

## RUJUKAN

## LAMPIRAN

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Taburan Kajian Lepas Tentang Strategi Membaca Bahasa Cina Sekolah Rendah (2002-2021)	57
2.2	Kajian Lepas PhD & Sarjana Tentang Strategi Membaca di Malaysia	65
2.3	Tafsiran Yang Berbeza Terhadap Jenis Inferens	74
2.4	Strategi Membaca Yang Bersesuaian Dengan Tahap Pemahaman Bacaan Murid di SJKC	76
3.1	Reka Bentuk Praujian Dan Pascaujian yang Menggunakan Eksperimen Kuasi	117
3.2	Enrolmen Murid Tahun 5	121
3.3	Perbandingan Markah Peperiksaan Akhir Tahun BC Pemahaman antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	122
3.4	Taburan Soalan yang Menggunakan Strategi Membuat Inferens	125
3.5	Komen Keseluruhan Panel Pakar Rujuk	128
3.6	Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan	129
3.7	Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Kajian Rintis	130
3.8	Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Kajian Sebenar	130
3.9	Keputusan Analisis Kebolehpercayaan Item-item Praujian	131
3.10	Persetujuan Pakar Rujuk Terhadap Item-item Praujian	132
3.11	Keputusan Analisis Kebolehpercayaan Item-item Pascaujian	132
3.12	Persetujuan Pakar Rujuk Terhadap Item-item Pascaujian	133

3.13	Persetujuan Pakar Rujuk Terhadap Soalan-soalan yang Tersedia Semasa Sesi Temu Bual	134
3.14	Tahap Kebolehpercayaan Nilai Kappa	135
3.15	Nilai Kappa Bagi Pengekod 1-Pengekod 2 ( <i>Symmetric Measures</i> )	135
3.16	Nilai Kappa Bagi Pengekod 1-Pengekod 3 ( <i>Symmetric Measures</i> )	136
3.17	Prosedur Pengumpulan Data	140
4.1	Prestasi Pemahaman Bacaan Murid Bagi Praujian Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	145
4.2	Prestasi Murid Dalam Praujian Mengikut Subkumpulan Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	146
4.3	Prestasi Praujian Subkumpulan Bagi Kumpulan Rawatan	147
4.4	Prestasi Praujian Subkumpulan bagi Kumpulan Kawalan	148
4.5	Keputusan ANOVA Sehala Praujian Subkumpulan Bagi Kumpulan Rawatan	149
4.6	Keputusan ANOVA Sehala Praujian Subkumpulan Bagi Kumpulan Kawalan	149
4.7	Analisis Ujian Perbezaan <i>Post Hoc</i> Praujian Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	150
4.8	Keputusan Ujian-t Subkumpulan Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Dalam Praujian	151
4.9	Prestasi Pemahaman Bacaan Murid Ujian Selang Pasca Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	152
4.10	Prestasi Pemahaman Bacaan Murid Dalam Ujian Selang Pasca 1 Mengikut Subkumpulan Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	154
4.11	Prestasi Ujian Selang Pasca 1 Subkumpulan Bagi Kumpulan Rawatan	155

4.12	Prestasi Ujian Selang Pasca 1 Subkumpulan Bagi Kumpulan Kawalan	155
4.13	Keputusan ANOVA Sehala Ujian Selang Pasca 1 Subkumpulan Bagi Kumpulan Rawatan	156
4.14	Keputusan ANOVA Sehala Ujian Selang Pasca 1 Subkumpulan Bagi Kumpulan Kawalan	156
4.15	Prestasi Pemahaman Bacaan Murid Dalam Ujian Selang Pasca 2 Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	158
4.16	Prestasi Ujian Selang Pasca 2 Subkumpulan Bagi Kumpulan Rawatan	159
4.17	Prestasi Ujian Selang Pasca 2 Subkumpulan Bagi Kumpulan Kawalan	159
4.18	Keputusan ANOVA Sehala Ujian Selang Pasca 2 Bagi Kumpulan Rawatan	160
4.19	Keputusan ANOVA Sehala Ujian Selang Pasca 2 Bagi Kumpulan Kawalan	160
4.20	Prestasi Pemahaman Bacaan Murid Dalam Pascaujian Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	163
4.21	Keputusan Ujian-T Subkumpulan Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Dalam Pascaujian	166
4.22	Prestasi Pascaujian Subkumpulan Bagi Kumpulan Rawatan	167
4.23	Prestasi Pascaujian Subkumpulan Bagi Kumpulan Kawalan	168
4.24	Keputusan ANOVA Sehala Pascaujian Subkumpulan Bagi Kumpulan Rawatan	169
4.25	Keputusan Ujian Perbezaan <i>Post Hoc</i> Pascaujian Bagi Kumpulan Rawatan	170
4.26	Keputusan ANOVA Sehala Pascaujian Subkumpulan Bagi Kumpulan Kawalan	170



- 4.27 Keputusan ANOVA Sehalu Pascaujian Antara Kumpulan Rawatan 171  
dan Kumpulan Kawalan
- 4.28 Keputusan Ujian-T untuk Item Minat antara Kumpulan Rawatan 173  
dan Kumpulan Kawalan
- 4.29 Keputusan Ujian-T untuk Item Motivasi antara Kumpulan Rawatan 175  
dan Kumpulan Kawalan
- 5.1 Peruntukan Masa untuk Pengajaran Kemahiran Bahasa Dalam 188  
KSSR
- 5.2 Kajian Lepas Tentang Penggunaan Strategi Membuat dan 192  
Kemahiran Membaca Hiperteks





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	13
2.1 Perspektif Terhadap Proses Membaca	50
2.2 Kadar Penambahan Kajian Tentang Strategi Membaca Bahasa Cina Di Sekolah Rendah (2010 – 2020) dari CNKI	54
2.3 Bilangan Kajian Lepas Tentang Strategi Membaca Bahasa Cina Sekolah Rendah	56
2.4 Aliran Penggunaan Strategi Membuat Inferens di Bawah Bimbingan Guru	78
2.5 Aliran Penggunaan Strategi Membuat Inferens Secara Individu	79
2.6 Jenis Pemahaman oleh Durkin (1989)	87
2.7 Tahap Pemahaman Bacaan Mengikut Aras Taksonomi	94
2.8 Tahap-tahap Soalan dan Domain Kehidupan	101
3.1 Kerangka Kerja Operasi	118
3.2 Kekekapan Skala Likert Bergambar Tentang Item Minat	138
3.3 Kekekapan Skala Likert Bergambar Tentang Item Motivasi	139
3.4 Kekekapan Skala Likert Bergambar Tentang Item Penggunaan Strategi Membuat Inferens	140
4.1 Perbandingan Histogram Praujian Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	145
4.2 Perbandingan Skor Min Ujian Selang Pasca Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	153
4.3 Perbandingan Skor Min Subkumpulan Ujian Selang Pasca 1 Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	157
4.4 Perbandingan Skor Min Subkumpulan Ujian Selang Pasca 2 Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	161



4.5	Perbandingan Skor Min Praujian dan Pascaujian Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	164
4.6	Skor Min Pascaujian Subkumpulan Bagi Kumpulan Rawatan	168
4.7	Perbandingan Skor Min Pascaujian antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	172
4.8	Perbandingan Skor Min Item Minat Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	174
4.9	Perbandingan Skor Min Item Motivasi Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	175



## SENARAI SINGKATAN

**SJKC** Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

**PISA** Programme for International Student Assessment

**PdP** pengajaran dan pembelajaran

**AC** alfa cronbach

**BC** Bahasa Cina

**DSKP** Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

**SKM** sekolah kurang murid

**OKU** orang kurang upaya

**5W1H** Who, What, When, Where, Why, and How

**PRC** People's Republic of China

## SENARAI LAMPIRAN

- A** Maklumat Demografi Murid
- B** Soal Selidik Terhadap Minat, Motivasi dan Penggunaan Strategi Membuat Inferens
- C** Soalan -soalan Temu Bual Separuh Struktur Dengan Guru
- D** Rancangan Pengajaran Harian
- E** Lembaran Kerja
- F** Praujian
- G** Ujian Selang Pasca
- H** Pascaujian
- I** Kesahan Kandungan dan Kesahan Muka Soal Selidik
- J** Kesahan Kandungan Instrumen Praujian, Ujian Selang Pasca dan Pascaujian
- K** Surat Perlantikan Pakar Penilai Instrumen

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan kepentingan kemahiran membaca dalam pembelajaran di sekolah dan dalam kehidupan harian. Selain itu, bab ini turut membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 44% murid berumur 15 tahun telah menyertai *Programme for International Student Assessment* (PISA) pada tahun 2009. Dalam aspek bacaan, Malaysia berada di kedudukan ke-55 (414 mata) pada tahun 2009. Pada tahun 2012, Malaysia menurun ke kedudukan ke-59 (398 mata).



Keputusan ini menunjukkan kemahiran membaca dalam kalangan murid berumur 15 tahun semakin merosot. Hal ini menunjukkan indeks Tahap Profisiensi Bacaan murid-murid telah menurun dan perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menyatakan bahawa Shanghai, Hong Kong dan Singapura mendapat kedudukan tertinggi dalam ujian membaca pada tahun 2012. Kedudukan kompetensi membaca murid-murid Hong Kong berada di tempat ke-2 dalam PISA menandakan kejayaan program pembaharuan pendidikan di Hong Kong. Fokus program pembaharuan pendidikan di Hong Kong menggunakan strategi membaca untuk membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca. Guru berperanan penting dalam proses pembelajaran dengan memberi bimbingan dan panduan kepada murid-murid untuk menggunakan strategi membaca dengan cekap.

Selain Hong Kong, Taipei juga menonjol dalam *International Reading Literacy Study* (PIRLS). PIRLS adalah penilaian perbandingan antarabangsa yang mengukur pembelajaran dalam bidang bacaan murid. Perkembangan pendidikan di Hong Kong dan Taiwan telah membangkitkan refleksi warga pendidik Taiwan terhadap tahap pemahaman bacaan murid. Kementerian Pendidikan Taipei (China) telah berusaha membantu guru-guru menguasai strategi membaca. Pakar dalam bidang pendidikan, guru-guru sekolah menengah dan rendah terlibat dalam program Kementerian Pendidikan Taipei (China), untuk sama-sama mengkaji kaedah meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid. Li Jiongying dan Qin Zhijuan (2005) percaya dalam proses pengajaran membaca, guru harus mengajar satu siri kaedah dan kemahiran untuk membantu murid menyelesaikan masalah dalam proses membaca dan meningkatkan kecekapan membaca. Sekarang, dari segi strategi





pengajaran membaca, masalah utama ialah guru tidak mempunyai panduan strategi pengajaran berkesan dalam proses pengajaran. Pada masa yang sama, mereka memberi tumpuan kepada pengajaran tetapi mengabaikan penguasaan murid terhadap pengetahuan dan struktur teks bacaan yang ada. Keistimewaan belajar membaca adalah belajar menggunakan strategi membaca. Kunci untuk menyingkirkan masalah pengajaran membaca terletak pada mengajar murid menggunakan strategi membaca (Zhang, 2013).

Penguasaan dan penggunaan strategi membaca adalah keperluan untuk membaca yang berkesan dan dimensi penting untuk menilai kemampuan membaca. Walau bagaimanapun, murid tidak dapat memperoleh dan menggunakan strategi membaca dengan berkesan. Oleh itu, penyelidikan latihan strategi membaca telah bermula di luar negara. Hasil penyelidikan di negara barat menunjukkan bahawa panduan strategi membaca secara eksplisit merupakan cara untuk mengajar murid menguasai dan menggunakan strategi (Keer & Verhaeghe, 2005). Latihan yang berorientasikan strategi dapat membantu meningkatkan tahap pemahaman bacaan murid (Souvignier & Mokhlesgerami, 2006). Block (1986) menyatakan bahawa pemilihan dan penggunaan strategi membaca adalah berdasarkan tujuan membaca. Pemilihan dan penggunaan strategi membaca berbeza bagi setiap murid. Penyesuaian strategi membaca yang fleksibel adalah satu-satunya syarat untuk membaca yang berjaya.

Ramai murid di Malaysia menghadapi masalah di peringkat pengajian tinggi kerana tiada kemahiran membaca (Ellis, 1996; Ramaiah & Nambiar, 1993; Ramaiah, 1997) sedangkan kemahiran membaca seharusnya telah dipupuk sejak persekolahan rendah. Seseengah penyelidik percaya bahawa pemahaman bacaan boleh meningkat dengan ketara melalui pengajaran strategi membaca (Fehrenbach, 1991; Sorrell, 1996).





Walau bagaimanapun, murid yang berbeza memerlukan strategi membaca yang berbeza (Hsieh, 2007; Sharma & Hannafin, 2004). Terdapat kekurangan kajian tentang kesan penggunaan strategi membaca bahasa Cina di SJKC dan ini menjadi dorongan untuk kajian ini.

### 1.3 Penyataan Masalah

Membaca ialah proses pembentukan makna kerana pembaca berinteraksi dengan bahan bacaan. Proses pembentukan dan pemberian makna antara bahan bacaan dengan pengalaman pembaca tidak dikenali sebagai proses membaca jika pembaca tidak memahami makna pembacaan (Anderson & Pearson, 1984). Pemahaman makna terhadap bahan yang dibaca adalah berdasarkan pengetahuan sedia ada pembaca. Pengetahuan sedia ada ini membantu pembaca mencapai tujuan membaca. Pembaca akan mengawal pemikirannya apabila membaca dengan menggunakan strategi. Hal ini demikian kerana pengawalan fikiran ini bukan sahaja akan menambahkan maklumat daripada bahan bacaan, malah menambah pengetahuan latar dalam pemikiran pembaca. Justeru, membaca bukan hanya pada tahap memahami perkataan, frasa dan ayat. Menurut Durkin (1980), tahap bacaan ini hanya melakukan proses menyebut perkataan sahaja tapi belum mencapai matlamat membaca. Seseorang yang dikatakan melalui proses membaca, mesti melibatkan pemahaman terhadap bahan bacaan. Kurikulum Standard China (2011) menyatakan dengan jelas bahawa kurikulum bahasa sepatutnya menitikberatkan pemupukan dan perkembangan literasi bahasa murid yang merangkumi pemupukan kemahiran membaca yang mementingkan pemahaman secara mendalam dan berfokus.







Namun, terdapat ramai guru bahasa yang masih mengekalkan pengajaran tradisional yang kurang memberi manfaat kepada murid-murid (Aroney Pereira, 2005; Ratnawati & Ismail, 2003). Jika keadaan ini berterusan, pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca di dalam kelas menjadi bosan dan murid-murid tidak berminat untuk mengikuti pembelajaran. (Ratnawati & Ismail, 2003; Xia, 2011). Menurut Ratnawati dan Ismail (2003), kebanyakan guru bahasa di sekolah sentiasa menganggap bahawa dengan menguasai istilah dan kosa kata, murid-murid akan memahami teks dengan baik dan seterusnya kemahiran bertutur dan kemahiran menulis turut dapat dikuasai dengan baik. Sebenarnya anggapan ini perlu diperbetul. Blachowicz dan Fisher (2005) menyatakan penguasaan kosa kata yang terhad menyebabkan kemahiran bahasa yang lemah.

Setakat ini, PdP di SJKC terlalu menitikberatkan *spoon feed*. Murid-murid belajar secara pasif dengan menerima apa sahaja yang diajar oleh guru, lalu menghafal dan membuat latihan secara mekanikal. Guru juga didapati terlalu banyak mengemukakan soalan pemahaman tahap literal. Pada tahap ini, soalan hanya melibatkan murid-murid memberi makna, mencerita semula dan mengesan isi-isi penting dalam petikan. Kajian menunjukkan bahawa markah murid-murid dalam ujian pemahaman adalah tinggi bagi soalan tahap literal (Mahzan Arshad, 1994). Murid-murid tidak disoal dengan jenis soalan yang dapat meningkatkan daya fikir dan daya rasa.

Hasil temu bual dengan dua orang guru senior, didapati murid-murid gagal menaakul makna sesuatu perkataan berdasarkan teks yang dibaca dan makna keseluruhan ayat yang terkandung dalam sesuatu perenggan. Keadaan ini berdasarkan pengalaman dan pemerhatian mereka. Pendapat ini disokong oleh guru lain yang ditemu bual secara rawak.





Kemampuan mendekod murid-murid lemah, iaitu kurang mahir untuk mentafsirkan mesej yang hendak disampaikan oleh penulis. Semasa PdP kemahiran membaca, respon murid-murid adalah kurang memuaskan. Murid-murid berasa sukar untuk memahami teks kerana istilah yang sukar difahami, bahasa yang sukar, fokus luas dan teks yang mengelirukan. Lantaran itu, murid-murid kurang berupaya untuk membuat inferens berdasarkan teks yang dibaca. Mereka banyak menulis pemahaman terhadap teks tersurat tetapi tidak dapat menganalisis dan menilai kandungan teks dengan lebih mendalam. Keadaan ini berlaku semasa sesi soal jawab. Hal ini menunjukkan kesukaran memahami teks merupakan halangan ke arah pemahaman bacaan (Yahya Othman, 2008). Kajian Carreoll (2000) menunjukkan strategi yang sesuai digunakan dalam pengajaran kemahiran membaca dapat membantu mengatasi kesukaran dalam pemahaman membaca. Kebanyakan murid tidak dapat menggunakan strategi membaca tanpa ajaran guru (Dymock, 2005). Maka, strategi pembelajaran murid-murid berkait rapat dengan strategi pengajaran guru. Yahya Othman dan Roselan Baki (2008) menyatakan bahawa masalah murid lemah dalam bacaan dan tidak memahami kandungan yang dibaca merupakan isu yang boleh mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Murid-murid tidak suka kelas bahasa akan merasa bosan manakala guru-guru berasa pengajaran bahasa agak susah, terutamanya pengajaran kemahiran membaca.

PdP kemahiran membaca di SJKC menjadi lebih rumit disebabkan perbezaan latar belakang murid-murid di SJKC. Murid-murid di SJKC bukan sahaja berbangsa Cina, malahan terdapat murid-murid yang berbangsa Melayu, India, serta berasal dari Thailand, Filipina, Indonesia dan negara lain. Golongan murid ini biasanya menggunakan bahasa ibunda masing-masing dalam kehidupan harian. Bahasa Cina merupakan bahasa kedua bagi mereka. Latar belakang murid-murid yang berlainan





menyebabkan mereka mengalami masalah mengenali aksara bahasa Cina. Secara langsung, murid-murid ini tidak memahami teks yang dibaca. Akibatnya, murid-murid tidak berminat untuk membaca. Mereka tiada motivasi untuk membaca dan seterusnya sikap mereka terhadap aktiviti pembacaan adalah negatif. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesan penggunaan strategi membaca terhadap pencapaian, minat dan motivasi murid-murid di SJKC.

Kini, penambahbaikan dalam kurikulum lebih mementingkan kemahiran membaca. Waktu pengajaran dan pembelajaran yang diperuntukkan dalam kemahiran membaca telah ditambah. Matlamat pengubalan Standard Kurikulum Bahasa Cina meningkatkan keterampilan berbahasa dan kebolehan berkomunikasi. Definisi kemahiran membaca dalam DSKP (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014) merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan diberikan kepada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis.

Namun, beberapa masalah khusus masih belum dinyatakan dengan jelas seperti penggunaan strategi membaca semasa PdP tidak diusulkan sebagaimana membimbing pengajaran membaca dengan menggunakan strategi membaca, strategi membaca tidak didedahkan secara terperinci kepada warga pendidik. Semasa PdP, guru masih mengajar pengetahuan deklaratif sedangkan bahan bacaan yang sedia ada jarang mempunyai pengetahuan prosedural. Dengan ini, guru tidak membimbing murid-murid menggunakan strategi membaca secara sistematik. Pengajaran membaca berpusatkan guru. Hal ini dikatakan demikian kerana pernyataan tentang strategi membaca yang kurang dalam DSKP. Akibatnya, PdP kemahiran membaca menjadi bosan dan berpusatkan guru serta murid-murid masih kurang berminat untuk membaca. Lantaran itu, guru perlu mengajar murid-murid menggunakan strategi membaca agar keadaan





semasa pengajaran kemahiran membaca dapat diperbaiki. Hasil tinjauan PISA lebih tertumpu kepada sama ada murid dapat memahami kehidupan seharian dan situasi tertentu. Membaca teks yang terdapat dalam artikel yang difahami, menghurai secara terperinci, dan menilai isi kandungannya agar murid-murid dapat meningkatkan pengetahuan. Pengetahuan yang diperoleh daripada proses membaca dapat digunakan untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan, pembelajaran, dan pekerjaan pada masa hadapan.

#### 1.4 Objektif

Objektif kajian ini mengkaji keberkesanan strategi membuat inferens dalam pemahaman membaca teks naratif yang digunakan semasa mengajar kemahiran membaca di SJKC.

- 1) Untuk mengkaji kesan penggunaan strategi membaca-inferens terhadap pencapaian murid-murid SJKC.
- 2) Untuk mengkaji kesan penggunaan strategi membaca-inferens terhadap minat murid-murid SJKC.
- 3) Untuk mengkaji kesan penggunaan strategi membaca-inferens terhadap motivasi murid-murid SJKC.





## 1.5 Soalan kajian

1. Adakah murid dalam kumpulan rawatan yang diajar menggunakan strategi membaca-inferens menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam pencapaian pemahaman bacaan berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan yang diajar menggunakan pengajaran konvensional?
2. Adakah murid tahap pemahaman bacaan tinggi, sederhana dan rendah dalam kumpulan rawatan yang diajar menggunakan strategi membaca-inferens menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam pencapaian pemahaman bacaan berbanding dengan murid tahap pencapaian pemahaman bacaan tinggi, sederhana dan rendah dalam kumpulan kawalan yang diajar menggunakan pengajaran konvensional?
3. Adakah murid dalam kumpulan rawatan yang diajar menggunakan strategi membaca-inferens menunjukkan minat yang meningkat berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan yang diajar menggunakan pengajaran konvensional?
4. Adakah murid dalam kumpulan rawatan yang diajar menggunakan strategi membaca- inferens menunjukkan peningkatan motivasi berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan yang diajar menggunakan pengajaran konvensional?





## 1.6 Hipotesis Kajian

H1: Murid yang diajar menggunakan strategi membaca-inferens menunjukkan prestasi lebih baik dalam pencapaian pemahaman bacaan jika berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan yang diajar menggunakan pengajaran konvensional.

H2: Murid-murid tahap pemahaman bacaan tinggi, sederhana dan rendah dalam kumpulan rawatan yang diajar menggunakan strategi membaca-inferens menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam pencapaian pemahaman bacaan berbanding dengan murid tahap pencapaian pemahaman bacaan tinggi, sederhana dan rendah dalam kumpulan kawalan yang diajar menggunakan pengajaran konvensional

H3: Murid yang diajar menggunakan strategi membaca-inferens lebih baik dalam minat jika berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan yang diajar menggunakan pengajaran konvensional.

H4: Murid yang diajar menggunakan strategi membaca-inferens lebih baik dalam motivasi jika berbanding dengan murid dalam kumpulan kawalan yang diajar menggunakan pengajaran konvensional.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Membaca merupakan aktiviti harian untuk memperoleh maklumat daripada bahan bercetak seperti surat khabar, buku dan majalah, bahan bukan bercetak seperti papan





tanda, iklan yang tersiar di televisyen dan memerhati cuaca serta bahan hiperteks. Tujuan proses ini adalah untuk memperoleh tafsiran yang bermakna tentang lambang-lambang yang dilihat. Membaca dapat mempertingkat dan menambah pengetahuan seseorang murid. Membaca juga membantu murid-murid untuk menimba ilmu daripada sumber-sumber alternatif. Seterusnya, asas pembacaan yang baik merangkumi kebolehan membaca, mensintesis dan mengkritik. Dengan itu, penguasaan bahasa yang baik membolehkan murid menjadi seorang yang berautonomi. Justeru, membaca dapat membantu murid-murid menjadi lebih berkeyakinan dan bermotivasi. Proses membaca juga memerlukan penggunaan strategi yang tepat dan efektif untuk memastikan murid-murid dapat memahami teks seterusnya menggunakan ilmu yang tersurat dan tersirat.

Menurut Dymock (2005), kebanyakan murid tidak dapat menggunakan strategi membaca tanpa ajaran guru. Strategi pembelajaran murid-murid berkait rapat dengan strategi pengajaran guru (Hamman, Berthelot, Saia, & Crowley 2000). Melalui pencerapan, didapati kebanyakan pengajaran guru jarang menggunakan strategi (Hamman et al., 2000). Van den Broek dan Kremer (2000)<sup>5</sup> turut bersetuju dengan hasil kajian Hamman dan rakan-rakannya. Pemahaman bacaan bukan sahaja bergantung pada intergrasi penguasaan perbendaharaan kata yang luas, pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada serta keupayaan membaca teks, tetapi juga bergantung pada penggunaan strategi membaca.

Dapatan kajian ini dapat memberi manfaat kepada guru melalui penggunaan strategi membaca untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca. Melalui penggunaan strategi membaca, kompetensi membaca dapat membantu murid-murid belajar secara konstruktivisme (*Hong Kong Teachers's Centre, 2011*).





Murid-murid yang berjaya menguasai kemahiran membaca berupaya menjadi pembaca yang berjaya dari segi pemahaman dan kemahiran bahasa. Murid berupaya untuk memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan. Murid-murid juga dapat merasai keindahan seni bahasa dari segi pembentukan ayat yang menggunakan simile, peribahasa, bahasa kiasan dan personifikasi yang terdapat dalam puisi dan prosa kreatif. Idea yang kreatif dapat dilahirkan oleh murid-murid melalui lisan dan penulisan. Bagi pembaca yang beraras tinggi, mereka dapat menggunakan strategi membaca yang dibelajar dalam pembelajaran.

Membaca merupakan proses yang rumit kerana melibatkan aktiviti kognitif. Membaca bukan hanya sekadar membunyikan tulisan tetapi melibatkan aktiviti berfikir, psikolinguistik dan metakognitif (Farida, 2007). Yahya (2005) menyatakan metakognitif sebagai kebiasaan sendiri murid merancang, kecekapan memantau, menguji, membuat semakan dan menilai strategi. Tiga cara yang sering digunakan untuk mengukur metakognitif murid membaca melibatkan aktiviti pemantauan, penilaian dan peraturan. Dengan ini, guru dapat merangka strategi pengajaran yang sesuai dengan matlamat kemahiran membaca. Dalam kajian ini, strategi membaca yang difokuskan ialah strategi membuat inferens yang berteraskan Teori Konstruktivisme.

Jika pengajaran strategi membaca ahasa Cina dijalankan dengan baik, maka kelajuan membaca murid dapat ditingkatkan, dan pemahaman mereka terhadap teks bacaan Cina dapat ditingkatkan secara beransur-ansur (Zhang, 2013). Menurut Zhang (2013), pembaharuan standard kurikulum baru, hafalan tidak lagi menjadi arus perdana, dan PdP tradisional tidak lagi sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran zaman ini. Seseorang murid tidak hanya boleh menulis, seseorang turut memerlukan kaedah atau satu siri teknik yang dapat membaca dan menulis pada masa yang sama. Jadi ini






bermaksud bahawa kaedah untuk murid menguasai strategi membaca bahasa Cina bukan hanya untuk menduduki peperiksaan, tetapi juga mempersingkat waktu membaca, sehingga mereka dapat memahami kosa kata, memahami pola ayat, memahami makna yang tersirat, dan menerapkan mereka untuk menulis.

Kesimpulannya, penggunaan strategi membaca secara mantap dan fleksibel biasanya digunakan oleh pembaca yang cekap. Kecekapan ini boleh diajar dan dibelajar oleh murid-murid di bawah bimbingan guru.

## 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini mengkaji kesan penggunaan strategi membuat inferens terhadap pencapaian, minat dan motivasi murid SJKC. Terdapat dua kumpulan subjek kajian, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan menggunakan pengajaran konvensional manakala kumpulan rawatan menggunakan strategi membuat inferens.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

## 1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dapat menghasilkan maklumat yang berguna tentang strategi membaca dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina di SJKC. Kajian ini dibataskan kepada beberapa perkara.

Pertama sekali, tahap pembelajaran bahasa murid yang berlainan menyebabkan pencapaian pembelajaran bahasa yang berbeza. Di samping itu, latar belakang murid berlainan dan minat murid terhadap pembelajaran bahasa Cina telah mempengaruhi sikap untuk membaca teks bahasa Cina. Selain itu, kesabaran murid-murid yang berumur 11 tahun adalah terhad. Mereka tidak dapat menumpukan perhatian sepanjang waktu PdP untuk belajar sedangkan strategi membaca memerlukan murid-murid mahir tentang cara operasinya dengan menumpukan perhatian yang sepenuhnya.

Seterusnya, waktu pengajaran yang diperuntukkan agak terhad. Sebahagian murid di SJKC tidak dapat menguasai kemahiran membaca dengan sepenuhnya. Ini disebabkan *spoon feed* untuk menghabiskan kurikulum sebelum peperiksaan. Keadaan ini sering berlaku kepada murid Tahun Enam. Dalam masa yang sama, aktiviti dalaman sekolah turut mempengaruhi pelaksanaan kajian ini, seperti peperiksaan, pertandingan dalaman, aktiviti kokurikulum dan ceramah.

Selain itu, bahan bacaan yang digunakan sebagai instrumen bukan sahaja diambil dari buku teks, pengkaji juga perlu merujuk bahan bacaan luaran dan memilih bahan bacaan yang bersesuaian dengan tahap pembelajaran responden. Bahan yang digunakan tidak merangkumi semua jenis bahan bacaan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teks naratif.



Selanjutnya, murid-murid yang terlibat dalam kajian ini hanya mewakili populasi yang diambil sebagai sampel. Generalisasi kepada murid yang berbeza dari segi umur, latar belakang, sosioekonomi dan ciri geografi hanya boleh dibuat dengan berhati-hati.

## **1.10 Operasional Istilah**

### **1.10.1 Strategi membaca**

Menurut Anderson, Hiebert, Scott dan Wilkinson (1985), proses membaca juga dikenali proses strategi, iaitu proses memilih dan mengambil tindakan dengan penyesuaian seorang pembaca terhadap proses membaca dengan tujuan dan jenis teks yang dibacanya. Apabila pembaca menyedari jenis struktur teks yang dibaca, penggunaan strategi membaca yang berbeza digunakan bagi memahami teks yang dibaca. Pembaca yang mempunyai strategi membaca akan menyesuaikan dirinya dengan jenis teks yang dibaca. Strategi membaca merangkumi teknik yang bersiri atau bersistematik. Teknik membaca dalam konteks di bilik darjah merujuk aktiviti yang sebenarnya berlaku dalam sesuatu pengajaran yang sedang dilakukan oleh guru. Aktiviti tersebut dianggap sebagai strategi atau inisiatif yang digunakan oleh guru di dalam bilik darjah bagi mencapai objektif pengajaran (Mahzan Arshad, 2003). Secara ringkasnya, strategi merujuk kepada teknik atau kaedah yang digunakan secara sedar untuk mencapai tujuan membaca.



### 1.10.2 Membuat Inferens

Menurut Natalie Wexler (2021), membuat inferens merupakan arahan membaca petikan lalu menjawab soalan pemahaman untuk mencari idea utama dan menaakul maksud perkataan berdasarkan teks yang dibaca.

Bailey Eileen (2019) menyatakan bahawa inferens adalah membuat kesimpulan berdasarkan maklumat yang tersirat daripada yang dinyatakan secara langsung dan merupakan kemahiran penting dalam pemahaman bacaan. Seseorang membuat inferens setiap hari, baik dalam lisan ataupun tulisan tanpa disedarinya. Membuat inferens memerlukan pembaca menggabungkan pengetahuan yang sedia ada, untuk membentuk pengetahuan peribadi mereka sendiri dan menerapkannya pada apa yang mereka baca.

Pengetahuan sebelumnya ini membantu pembaca membuat kesimpulan dan memahami apa yang mereka baca. Pemerhatian berlaku dalam proses membuat inferens. Kesimpulan yang dihasilkan adalah apa yang kita dapati berdasarkan pengalaman. Ini membantu murid memahami maklumat tersirat dan meningkatkan kemahiran mereka dalam membuat inferens. Pemikiran inferens adalah kemahiran kompleks yang akan berkembang dari masa ke masa.

Menurut Marzano Robert (2010), membuat inferens merupakan kemahiran asas untuk mencapai aras pemikiran yang lebih tinggi dan merupakan kemahiran abad ke-21. Kemahiran membuat inferensi digunakan dalam kurikulum, termasuk seni bahasa Inggeris, sains dan kajian sosial. Oleh sebab membuat inferens adalah kemahiran berfikir yang beraras tinggi, maka ini perlu diajar melalui strategi membuat inferens.

Membuat inferens adalah strategi membaca yang digunakan oleh pembaca yang mahir untuk membaca antara garis (*read between the lines*), membuat hubungkait, dan membuat kesimpulan tentang makna dan tujuan teks yang dibaca.

### 1.10.3 Minat

Minat didefinisikan keinginan, kesukaan atau kecenderungan kepada sesuatu (Kamus Dewan, 2005). Pengaruh terbesar yang menyebabkan murid mempunyai kemampuan membaca yang tinggi adalah kerana mereka suka atau berminat membaca (Elley, 1992).

Minat membaca adalah tahap keseronokan dalam aktiviti membaca yang memerlukan rangsangan untuk mengubahnya menjadi kebiasaan. Sekiranya seseorang sudah mempunyai kemahiran membaca, tetapi dia tidak diberi rangsangan untuk membuatnya membaca secara teratur setiap hari minat membaca tidak akan meningkat (Ginting, 2005).

Menurut Rahman, (2009), minat membaca adalah kecenderungan, perhatian, dan keinginan untuk melihat penulisan atau pembacaan, untuk mengetahui lebih banyak atau untuk meneroka apa yang mereka baca dengan baik. Minat mempunyai pengaruh yang besar dalam aktiviti membaca, jika bahan bacaan atau tulisan yang hendak dibaca tidak sesuai dengan minatnya, bahan bacaan atau tulisan tidak akan dibaca dengan sepenuh hati kerana tidak ada tarikan dari bahan bacaan tersebut. Jennings (2006) menyatakan bahawa minat membaca adalah virus membaca yang ditularkan oleh persekitarannya. Persekitaran memberikan contoh seberapa banyak



aktiviti membaca yang menyeronokkan. Di samping itu, membaca mempunyai faedah untuk membuka cakerawala pemikiran dan meningkatkan kualiti hidup.

Berdasarkan beberapa pendapat pakar di atas, minat membaca dapat dirumuskan sebagai keinginan kuat untuk membaca dan memahami apa yang dibacanya, dan keinginan ini timbul kerana adanya rangsangan dari persekitaran sehingga dapat menjadikan membaca sebagai kebiasaan harian.

Dalam konteks ini, minat membaca merujuk seseorang yang tertarik akan melakukan aktiviti membaca kerana menikmati dan menyenangi aktiviti membaca secara suka rela. Seseorang itu membaca kerana ingin tahu lebih daripada apa yang dibelajar, aktiviti ini dilakukan tanpa paksaan kerana telah menjadi satu amalan. Minat ini merupakan sumber motivasi yang mendorong seseorang untuk melakukan kegiatan yang mereka inginkan kerana aktiviti ini mendatangkan kepuasan (Hurlock, 1980).



#### **1.10.4 Motivasi**

Motivasi merupakan keadaan dalaman yang menggerak dan memberi arah kepada pemikiran, perasaan dan tingkah laku (Ma'rof & Haslinda, 2004). Motivasi merupakan elemen yang penting dalam diri seseorang dalam apa jua aspek kehidupan termasuk dalam aktiviti membaca. Terdapat dua jenis motivasi iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Apabila seseorang itu melakukan sesuatu aktiviti disebabkan faktor dalaman, seperti minat dan perasaan terhadap aktiviti tersebut ia dikenali sebagai motivasi intrinsik, tetapi jika seseorang itu melakukan aktiviti disebabkan faktor luaran seperti mendapat





ganjaran, ia dikenali sebagai motivasi ekstrinsik (Eccles & Wigfield, 2002). Contohnya, apabila seseorang suka dan menganggap aktiviti membaca itu sebagai satu aktiviti yang menyeronokkan, individu tersebut mempunyai motivasi dalaman yang kuat terhadap membaca, manakala jika seseorang itu membaca sekadar untuk mendapat ganjaran dan bukan dari kehendak sendiri, ia merupakan tolakan daripada motivasi ekstrinsik. Menurut Broussard dan Garrison (2004) motivasi ditafsir secara meluas, “motivasi merupakan satu atribut yang mendorong seseorang melakukan atau tidak melakukan sesuatu”. Motivasi juga merujuk kepada sebab asas terjadinya suatu tingkah laku (Guay et al, 2010). Motivasi menjadi sumber untuk mempertahankan minat terhadap aktiviti membaca dan menjadikan aktiviti ini sangat menyenangkan.

Definisi motivasi dalam kajian ini ialah murid berinisiatif untuk membaca kerana adanya galakan dan dorongan. Galakan dan dorongan ini menjadikan seseorang lebih proaktif untuk terus membaca kerana mendapat kepuasan dalam pembacaan.

## 1.11 Rumusan

Bab ini membincangkan secara terperinci berkaitan pengenalan dan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi operasional.

Dalam Bab 2, kajian-kajian lepas tentang strategi membaca dibincangkan dengan lebih mendalam dan berfokus. Fokus kajian lepas adalah berpandukan kajian negara China selepas pengubahsuaian kurikulum.





Bab 3 membincangkan metodologi kajian ini. Bab ini memberi gambaran tentang reka bentuk kajian, kaedah kajian, populasi dan sampel, prosedur pengumpulan data dan prosedur penganalisan data.

Dalam Bab 4, semua data yang dikumpul melalui praujian dan pascaujian dan dilaporkan serta dibincangkan secara mendalam dan berfokus berdasarkan pernyataan masalah.

Bab 5 merupakan lanjutan daripada Bab 4, yang berperanan sebagai sokongan tambahan untuk menjamin kualiti hasil kajian ini.

